

2017 tahun penyelidikan translasional

→ **Pelan tumpu penterjemahan penyelidikan lebih berharga, relevan**

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@bh.com.my

► **Putrajaya**

Kementerian Pendidikan Tinggi mengumumkan 2017 sebagai tahun penyelidikan translasional yang mana memastikan penyelidikan mampu diterjemahkan bagi penyelesaian kepada isu nasional dan antarabangsa.

Menterinya, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata sehubungan itu Kementerian akan menyediakan Pelan Tindakan Keutamaan Penyelidikan 2017 dalam menjayakan aspirasi berkenaan yang antara lain akan memberi fokus kepada program 'Grand Challenge', Matlamat Pembangunan Mapan (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

(PBB) yang bakal diterajui oleh universiti penyelidikan di negara ini.

"Pelan ini juga memberi tumpuan kepada penterjemahan penyelidikan agar fokus, lebih berharga dan relevan, selain mempromosi bakat kepada penterjemahan penyelidikan dalam kalangan penyelidik yang terabit dalam bidang SDG serta revolusi industri keempat.

"Ia turut memfokuskan kepada usaha memposisikan penyelidikan untuk keunggulan global selaras dengan Lonjakan 8 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT) 2015-2025," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap menyampaikan Amanat 2017 Menteri Pendidikan Tinggi di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini semalam.

Yang turut hadir Timbalannya, Datuk Dr Mary Yap Kain Ching.



Idris bersalaman dengan warga pendidikan tinggi ketika hadir bagi menyampaikan Amanat 2017 Menteri Pendidikan Tinggi di PICC, Putrajaya, semalam.

Penyelidikan translasional adalah penemuan daripada asas sains untuk meningkatkan kesihatan serta kesejahteraan manusia.

'Menterjemah' penemuan

Idris berkata, dalam konteks penyelidikan perubatan, translasional bertujuan 'menterjemah' penemuan dalam penyelidikan asas ke dalam amalan perubatan serta hasil kesihatan yang bermakna.

"Antara contoh penyelidikan ini ialah usaha Universiti Sains Malaysia (USM) menerusi penyelidikan dalam bidang teknologi membran yang digunakan untuk merawat air bersih ketika banjir.

"Contoh lain ialah penyelidikan padi oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) yang berjaya meningkatkan hasil tanaman dan kualiti padi serta Universiti Malaysia Sarawak

(UNIMAS) tentang pengesanan virus zika yang digunakan sempena Sukan Olimpik di Brazil tahun lalu," katanya.

Selain itu beliau berkata, mulai September depan, Kementerian akan melaksanakan program Gap Year yang julung kali dibangunkan membabitkan lapan universiti awam (UA) yang antara lain memberi peluang kepada mahasiswa untuk menimba pengalaman dalam melaksanakan kerja sukarelawan di agensi awam.

Katanya, antara universiti yang bersetuju dalam pelaksanaan Gap Year ialah Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

"Gap Year ini bukanlah sesuatu yang baharu, di universiti luar ne-

gara, pelajarinya selepas tahun pertama atau kedua pengajian boleh berhenti selama setahun untuk memasuki agensi, industri atau menyertai khidmat negara.

"Jika universiti membenarkan program Gap Year, universiti itu sendiri boleh melaksanakan program untuk mereka yang mengambil Gap Year berkenaan," katanya.

Dalam pada itu, Idris berkata, Kementerian akan membentangkan pindaan Akta 555 dalam sesi Parlimen pada Mac ini bagi memastikan sektor pendidikan tinggi swasta kekal kompetitif dan berdaya saing.

"Pindaan Akta 555 kali ini adalah lebih menyeluruh dan akan memperkemas amalan pengawalseliaan, prosedur kelulusan permohonan, selain menyentuh aspek pemilikan dan tenaga kerja," katanya.